

Beg kecemasan Sonic



Malang tidak berbau, tatkala terjadinya kemalangan, baru kita terfikir pentingnya peti pertolongan cemas atau kit perubatan. Kewujudannya walau tidak disedari mampu membantu merawat kecederaan ringan sebelum dirujuk kepada doktor mahupun dibawa ke hospital. Atas inisiatif ini, sekumpulan kakitangan Pusat Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menghasilkan inovasi baharu ke atas beg kecemasan.

Projek inovasi ini dianggotai 10 ahli, diketuai Dr Nik Mohd Shafikudin Md Nik Tajuddin yang juga Pengarah Pusat Kesihatan Usim. Beg kecemasan itu dinamakan Sonic, adalah beg galas yang sesuai digunakan untuk aktiviti luar menggantikan peti kecemasan sedia ada. Ia komprehensif kerana mudah dibawa, dan mampu memuatkan segala keperluan asas untuk membuat rawatan awal.

Menurut Dr Nik Mohd Shafikudin, peti kecemasan sedia ada mempunyai beberapa kesulitan untuk aktiviti luar seperti reka bentuk kurang sesuai, mudah rosak kerana diperbuat daripada kotak dan plastik. Ada kalanya peti tersebut tidak



Dr Nik Mohd Shafikudin (kanan) menunjukkan tilam tidur mudah bawa yang terdapat di dalam beg Sonic kepada staf Pusat Kesihatan Usim.

Sedia kelengkapan untuk rawatan ringan

mempunyai manual panduan penggunaan, harganya juga mahal, sedangkan ia satu keperluan penting untuk kegunaan ramai dalam tempoh perkhemahan itu.

"Ketika menghasilkan beg kecemasan Sonic, pasukan kami telah menetapkan spesifikasi agar mempunyai reka bentuk sesuai, diperbuat daripada bahan tahan lasak dan saiz yang sederhana. Di pasaran memang tidak ada lagi beg kecemasan yang sesuai untuk outdoor dan Usim ingin menjadi pencetusnya," katanya.

Tambah Dr Nik Mohd Shafikudin, hasil kerja pasukannya begitu baik bermula dari pembentangan idea, perbincangan tentang reka bentuk, ruang penyimpanan ubatan, ciri-ciri tambahan untuk memenuhi keperluan semasa kecemasan

sehingga kepada penghasilan beg Sonic.

"Beg ini mudah dibawa, murah berbanding harga peti kecemasan, ia menggunakan kanvas kalis air, tahan lasak, dan mudah dicuci, serta berat tanpa bahan asas, kurang daripada 500 gram. Malahan turut disertakan panduan penggunaan yang mudah difahami dan amat membantu para penggunanya," katanya.

PELBAGAI KEMUDAHAN ASAS

Jelasnya, antara alatan asas kecemasan yang disediakan di dalam beg ini adalah dresing steril, plaster luka, kain anduh, pembalut kain kasa, larutan iodine, krim antiseptik dan gunting kecil.

"Beg kecemasan Sonic juga disertakan dengan beberapa ciri tambahan yang tiada pada peti kecemasan biasa iaitu mempunyai tilam tidur mudah bawa, lampu picit, tempat simpanan sejuk (paket ais), penambahan stretcher, poket powerbank dan kompas," katanya.

Sebanyak sembilan unit beg Sonic telah dihasilkan oleh Pusat Kesihatan Usim untuk kegunaan aktiviti luar pelajar, khususnya di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar Usim. Melalui soal selidik yang dibuat kepada 42 responden yang menggunakan beg ini, 93 peratus berpuas

hati dengannya dengan sifar kerosakan selepas digunakan.

"Dalam tempoh satu bulan kami menggabungkan idea, dua bulan membuat percubaan kepada pengguna dan kini sedia untuk digunakan. Namun kerana tiada kepakaran menjahit, proses pengeluaran beg sedikit. Syarikat yang mengeluarkan tidak mampu menyediakan produk dalam kuantiti banyak," katanya.

Ujarnya, dengan adanya kemudahan seperti ini, ia sekurang-kurangnya mampu mendidik masyarakat agar lebih cakna dengan keperluan asas terutama kit kecemasan.

"Persediaan awal adalah langkah penting dalam menjayakan amalan 1 rumah 1 peti kecemasan, dan biarlah ia menjadi satu tradisi dalam masyarakat kita," katanya.

Tambah beliau, memandangkan pengeluaran masih terhad, beg Sonic ini hanya digunakan secara meluas dalam kampus, dan jika berpeluang, ia pasti akan dikomersilkan selaras menyahut saranan kerajaan untuk menjana pendapatan sendiri dalam kalangan universiti awam.

Dari segi pencapaian pula, beg kecemasan Sonic menerima Anugerah Khas Pengurusan Bencana Negara dan penarafan Emas pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat universiti awam kali ke-11.

"Berebalkan pencapaian ini, saya yakin peluang dan permintaan untuk beg ini semakin diperlukan, lebih-lebih lagi kami tampil dengan pembaharuan yang begitu diperlukan pengguna," katanya.

INFO

Universiti awam/swasta/IPTA/IPTS yang ingin berkongsi kisah produk inovasi, emelkan kepada salwani@sinarharian.com.my



Kompas



Strecher tambahan



Perbincangan bersama ahli.



Johan pada Konvensyen KIK 2014 peringkat Usim.